



representing the
recording industry
worldwide

KENYATAAN MEDIA

PELANTIKAN NORMAN ABDUL HALIM SEBAGAI SALAH SEORANG LEMBAGA PENGARAH UTAMA OLEH IFPI



London, 21^{hb} Mei 2015 – Norman Abdul Halim, seorang tokoh terkemuka dalam industri muzik Malaysia, akan menyertai Lembaga Pengarah Utama dan Lembaga Eksekutif Rantau Asia IFPI, sebuah organisasi yang mewakili industri rakaman seluruh dunia.

Norman Abdul Halim adalah Presiden Eksekutif KRU Music, sebuah label bebas utama di Malaysia, di mana beliau juga turut memegang jawatan sebagai Pengurus Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM). Beliau terkenal sebagai salah seorang anggota kumpulan pop Malaysia, KRU bersama dua adik lelakinya, sebelum menubuhkan Kumpulan Korporat KRU pada 1992 yang mempelopori penerbitan muzik digital, filem dan kandungan televisyen di Malaysia.

Norman juga memegang pelbagai jawatan berprestij lain termasuk sebagai Pengurus Jawatankuasa Kesedaran Membanteras Cetak Rompak Kebangsaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan dan Naib Presiden Persatuan Penerbit Filem Malaysia.

Frances Moore, Ketua Eksekutif IFPI berkata, “Saya amat gembira untuk mengalu-alukan Norman Abdul Halim ke Lembaga Pengarah Utama IFPI, dan juga Lembaga Eksekutif Rantau Asia kami. Beliau

mempunyai pengalaman dan kepakaran yang dapat membantu untuk menyokong matlamat kami untuk membangunkan perniagaan muzik rakaman di peringkat antarabangsa dan menjamin pertumbuhan pasaran yang berterusan. Lembaga Pengarah IFPI berharap Norman dapat membawa perspektif dan pandangan baru, serta idea-idea inovatif seiring dengan penumpuan kami untuk menyokong ahli-ahli kami di seluruh dunia.”

Norman menambah, “Saya amat berbesar hati untuk menerima penghormatan ini bagi mewakili industri muzik Malaysia dan label muzik bebas Asia di peringkat antarabangsa. Saya ingin melahirkan rasa penghargaan kepada IFPI di atas peluang untuk bekerjasama dan menyokong pemimpin industri muzik global dalam melaksanakan peranan penting mereka untuk mewujudkan komuniti perniagaan muzik yang berkembang maju di seluruh dunia.”

- Tamat -

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Media Tempatan

Shahlini T.Arasu, PR Consultant

Tel : 012-334 3042

Email : shahlini@gmail.com

IFPI

Adrian Strain atau Alex Jacob

Tel. +44 (0)20 7878 7939 / 7940

Nota untuk editor:

Mengenai IFPI

IFPI ialah sebuah organisasi yang mempromosikan kepentingan industri rakaman antarabangsa di seluruh dunia. Keahliannya merangkumi kira-kira 1,300 syarikat besar dan bebas di 63 buah negara. Ia juga mempunyai gabungan bersama kumpulan negara industri di 57 buah negara. Misi IFPI adalah untuk mempromosikan nilai muzik rakaman, melindungi hak-hak pengeluar rakaman dan memperluaskan penggunaan komersial muzik rakaman dalam semua pasaran di mana ahli-ahlinya beroperasi.